

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



JUMAAH MAJLIS DIRAJA JOHOR

PERCANANGAN DALAM PENGUMUMAN KEMANGKATAN

Adalah kenyataan dan peringatan yang di bawah ini dimasyhurkan bagi pengetahuan sekalian yang berkenaan:-

Inna lillahi wa inna ilaihi raji'un

Adalah dengan sangat kedukaan dan kemasygulan dilafazkan iaitu Yang Amat Mulia Enche' Besar Hajah Khalsom bte Abdullah D.K., S.M.I.J., Bonda kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar yang amat dihormati dan dikasihi telah mangkat, berpindah daripada alam fana kealam akhirat yang baqa' pada jam 7.55 malam hari Jumaaat 1hb Jun 2018 bersamaan dengan 16 Ramadan 1439 Hijrah di Hospital King Edward VII London.

Oleh itu ketahuilah bahawa dengan titah perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim, adalah ditentukan perkabungan kerana kemangkatan Yang Amat Mulia Enche' Besar Hajah Khalsom bte Abdullah adalah seperti berikut:-

- (1) Bendera Negeri Johor, Bendera Daerah-daerah dan Bendera Persatuan diturunkan separuh tiang mulai hari ini hingga pada hari pemakaman Jenazah Almarhumah Yang Amat Mulia Enche' Besar Hajah Khalsom bte Abdullah.

- (2) Semua masjid-masjid utama di dalam Negeri Johor mengadakan majlis Tahlil dan Doa ke atas roh Almarhumah Yang Amat Mulia Enche' Besar Hajah Khalsom bte Abdullah itu selepas Fardhu Maghrib mulai hari ini dan pada hari dimakamnya Jenazah Almarhumah.
- (3) Kerabat-kerabat DiRaja yang damping berkabung daripada tarikh ini, kemudian 3 hari daripada dimakamnya Jenazah Almarhumah Yang Amat Mulia Enche' Besar Hajah Khalsom bte Abdullah.
- (4) Rakyat dan Penduduk Negeri ini berkabung pada tarikh dimakamnya Jenazah Almarhumah Yang Amat Mulia Enche' Besar Hajah Khalsom bte Abdullah.

PERATURAN-PERATURAN BERKABUNG

- (a) Bagi orang-orang Melayu memakai tanda perkabungan kain putih berlilit selilit sahaja, selebar 2 inci pada songkok hitam.
- (b) Bagi lain-lain bangsa dan agama, memakai selilit kain hitam lebarnya 3 inci di lengan kiri, atau bertali leher warna hitam.
- (c) Bagi mereka-mereka yang berhak memakai uniform pada majlis yang tertentu, selilit kain hitam lebar 3 inci dilengan kiri.
- (d) Bagi perempuan Melayu, memakai tudung kepala berwarna putih.
- (e) Bagi perempuan lain bangsa atau agama, memakai selilit kain hitam lebarnya 3 inci di lengan kiri, atau bertudung kepala berwarna hitam.

Ketahuilah juga bahawa Jenazah Almarhumah Yang Amat Mulia Enche' Besar Hajah Khalsom bte Abdullah akan disemayamkan di Bilik Singgahsana, Istana Besar, Johor Bahru di mana rakyat dan orang-orang awam bolehlah mengunjung ziarah bagaimana peraturan dan waktu yang akan dimaklumkan kelak.

Ketahuilah juga bahawa Jenazah Almarhumah Yang Amat Mulia Enche' Besar Hajah Khalsom akan dimakamkan di dalam Makam DiRaja Bukit Mahmoodiah, Johor Bahru pada tarikh dan waktu yang akan diumumkan kemudian.

Perangkatan Jenazah itu akan bermula daripada Istana Besar.

PAKAIAN DI UPACARA PEMAKAMAN

(a) Bagi lelaki Melayu - Baju Melayu Teluk Belanga serba putih berkain hitam berdagang luar dan berkabung

(b) Bagi lelaki lain bangsa – Lounge Suit berwarna hitam dan berkabung

Semoga dicucuri rahmat yang berlebih-lebihan ke atas Roh Almarhumah Yang Amat Mulia Enche' Besar Hajah Khalsom bte Abdullah.

Yang menjunjung titah,



Dato' Abdul Rahim bin Ramli

Yang DiPertua

Jumaah Majlis DiRaja Johor

2 Jun 2018